

**DI DALAM MAHKAMAH SESYEN DI TAIPING  
DALAM NEGERI PERAK  
NO. KES: AB-62CY-2-08/2021**

**ANTARA  
PENDAKWA RAYA  
LAWAN  
SARAJUN HODA BIN ABDUL HASSAN  
ALASAN PENGHAKIMAN**

**LATAR BELAKANG**

[1] Pemohon telah dituduh menurut seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (“Akta 588”) berasaskan siaran di laman Facebook milik Pemohon pada 26.04.2021 dan siaran oleh Pemohon yang didakwa bersifat jelik dengan niat menyakitkan hati orang lain. Pertuduhan terhadap Pemohon adalah seperti di bawah –

“Bahawa kamu pada 26 April 2021 antara jam 9 pagi hingga 12.52 tengah hari, melalui perkhidmatan applikasi Facebook dengan menggunakan nama profil Facebook “Sarajun Hoda” di pautan <https://www.facebook.com/sarajun.hassan> secara sedar telah membuat dan memulakan penghantaran dengan menggunakan perkhidmatan komunikasi yang jelik sifatnya seperti di Lampiran A dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain, yang telah dibaca pada 27 April 2021 jam lebihkurang 9 pagi di No.15 , Jalan Wawasan 8, Taman Wawasan Jaya, 34200 di Daerah Parit Buntar, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.



[2] Lampiran A yang dimuatnaik untuk disiarkan secara komunikasi di media sosial adalah seperti yang berikut:-

*“How can we make to the top 5 within 10 years*

*- my take...*

*We need to take cue from Countries on top of Islamcity index.*

- 1. Remove Islam as official religion*
  - 2. Close down Jakim - let State take fully charge, all pondok schools - they are unable to meaningfully serve the country and Sharia Courts - Civll Courts can handle all cases.*
  - 3. Remove religion from Govt business and Schools*
  - 4. Stop policing morals*
  - 5. Force Islamic schools to excel in Maths, Science subject and vocations.*
  - 6. Ban all political parties based on race and religion.*
  - 7. Punish all corruption on fast tract justice system.*
  - 8. Rewards only on meritocacy*
  - 9. Make all Ustazs go find real jobs*
- 2 years later... we will be among top 5 on the index”.*

[3] Penghantaran siaran di atas telah tersebar luas di media sosial dan diulang siar di laman web lain dan telah dibaca oleh individu bernama Khalil Idham Lim bin Abdullah (Pengadu). Terkesan dengan penghantaran dalam Lampiran A di atas yang dikatakan boleh mencetuskan ketidakharmonian



di kalangan penganut Islam di negara ini, Pengadu telah membuat satu laporan polis dalam Parit Buntar Rpt.1085/21.

**[4]** Siasatan dilaksanakan oleh Pegawai Penyiasat Kes dan Pemohon berjaya dijejaki sebagai pemilik akaun *Facebook* tersebut, seterusnya Pemohon dipertuduhkan dengan pertuduhan menurut perenggan seksyen 233(1) (a) Akta 588 di hadapan Mahkamah Sesyen Taiping [nombor daftar kes AB-CY-2-08/2021] pada 03.08.2021.

**[5]** Pihak Pemohon sebelumnya bermula perbicaraan telah memfailkan dalam Lampiran 13 yang disokong oleh affidavit dalam Lampiran 14 serta Sijil Perakuan Segera pada 19.01.2022, satu Notis Permohonan bawah seksyen 30 Akta Kehakiman 1964 [Akta 91] untuk merujukkan isu undang-undang ke Mahkamah Tinggi untuk dipertimbangkan sama ada perlu dibuat rujukan ke Mahkamah Persekutuan.

**[6]** Pemohon telah memfailkan Notis Permohonan (Kandungan 13) yang memohon untuk merujuk persoalan perlembagaan kepada Mahkamah Persekutuan bawah seksyen 84 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (“Akta 91”) berkenaan persoalan –

“Sama ada seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan seksyen 233(3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah bercanggah dengan Perkara 8 dan Perkara 10(2)(a) Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu adalah terbatal, tidak sah dan tidak berperlembagaan.”

**[7]** Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Gan Boon Aun v PP* [2016] 4 MLJ 265 berkaitan keperluan isu berbangkit diputuskan dengan segera untuk mengelakkan kelewatan jika terdapat merit kepada suatu persoalan keperlembagaan sesuatu peruntukan undang-undang, adalah dirujuk.



## Beban Pembuktian

**[8]** Pada tahap ini, beban pembuktian dalam cabaran peruntukan undang-undang yang dikatakan tidak berlembagaan terletak di atas Pemohon. Sila lihat *Ooi Kean Thong & anor v PP* [2006] 3 MLJ 389 (MP), dan *PP v Pung Chen Choon* [1994] 1 MLJ 566 (MP).

### Peruntukan undang-undang yang dicabar

**[9]** Peruntukan seksyen 233 Akta 588 (“peruntukan ini”) yang dicabar adalah seperti di bawah –

“Seksyen 233. Penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dll.

(1) Seseorang yang—

(a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar—

(i) membuat, mewujudkan atau meminta-minta; dan

(ii) memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau

(b)....

melakukan suatu kesalahan.

(2)...

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.”



[10] Selain itu Pemohon juga memohon agar prosiding kes terhadap Pemohon di Mahkamah Sesyen Taiping digantung sehingga segala pendengaran soal perlembagaan yang dibangkitkan selesai.

[11] Kedua-dua pihak Pemohon dan Responden telah memfailkan hujahan bertulis seperti di kandungan 19 dan 21 masing-masing.

## **ANALISA DAN DAPATAN**

### **ISU YANG BERBANGKIT**

[12] Asas permohonan seperti dinyatakan dalam Notis Permohonan dalam Lampiran 13 dan Afidavit Sokongan Pemohon dalam Lampiran 14 bahawa peruntukan seksyen 233(1)(a) dan seksyen 233(3) Akta 588 adalah tidak berperlembagaan kerana –

(a) seksyen tersebut adalah tidak ada ketentuan mengenai subjek sekatan, luas pemakaiannya, definisi kabur dan bersifat subjektif. Ia tidak menyediakan kriteria dan/atau piawaian yang mencukupi dan adil berkenaan dengan sekatan yang dilarang;

(b) seksyen tersebut adalah terlalu luas dan boleh membawa kepada penyalahgunaan kuasa dan membenarkan tindakan sewenang-wenangnya oleh pihak berkuasa berkenaan dengan kuasa untuk menangkap, menyiasat dan mendakwa;

(c) seksyen tersebut menyekat kebebasan bersuara. Kedua-dua seksyen 233(1)(a) dan/atau 233(3) adalah tidak selamat oleh mana-mana daripada 8 subjek yang diliputi dalam Perkara 10(2) dan 10(4) Perlembagaan Persekutuan;

(d) seksyen 233(1) adalah melampaui batas dan tidak seimbang dengan objektif yang ingin dicapai; dan

(e) seksyen tersebut adalah melanggar Perkara 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan.



[13] Alasan penolakan oleh YA Pesurujaya Kehakiman (PK) di Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam yang dinyatakan dalam penghakimannya dalam *Martina bt Abu Hanifa lwn Pendakwa Raya* [2021] MLJU 1724, adalah seperti di perenggan yang berikutnya -

### 13.1 Anggapan keberlembagaan (presumption of constitutionality)

Terdapat prinsip yang mantap bahawa sesuatu undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Parlimen adalah dianggap berperlembagaan (presumed constitutional). Proses penggubalan undang-undang oleh Parlimen adalah suatu proses yang khusus, terperinci dan melibatkan kajian teliti oleh Kementerian atau Agensi Kerajaan yang berkaitan bersama Penggubal Undang-Undang Parlimen sebelum rang undang-undang itu dibentang dan dibahaskan di Parlimen. Kuasa menggubal undang-undang ini juga diperuntukan oleh Perlembagaan Persekutuan itu sendiri (Perkara 66, 67 dan 68) dan mahkamah telah sering kali mengesahkan kedudukan ini. Justeru, suatu cabaran terhadap isu keberlembagaan mana-mana peruntukan undang-undang hendaklah menunjukkan justifikasi yang kukuh untuk menyokong permohonan tersebut.

13.2 Dalam kes *Letitia Bosman v PP & Other Appeals* [2020] 8 CLJ 147, berkait persoalan keberlembagaan hukuman mati mandatori di bawah subseksyen 39(2) Akta Dadah Berbahaya 1952, Yang Arif Hakim Besar Malaya Azahar Mohamad HBM (menyampaikan keputusan majoriti) menyatakan –

*“Evidently, Parliament derives its legislative power from the FC. The power to legislate is a plenary power vested in parliament. The issue of legislative competency is to be decided by reference to matters falling within Parliament’s power to legislate. What is important in the setting of the present appeals is that the constitutional scheme of the FC empowers Parliament, the legislative branch of the Government to make laws with respect to any of the matters enumerated in Clause (1) Article 74 of the*



*FC and the federal List as set out in the Ninth Schedule. The constitutional provisions highlight the fundamental principle relating to the power of Parliament to make law in respect of a particular matter pursuant to the FC. In this regard, Item 4 of the federal List provides for “civil and criminal law”, including in paragraph (h) “creation of offences in respect of any of the matters included in the Federal List or dealt with by federal law”.*

13.3 Begitu juga dalam kes **Goh Leong Yong v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan & ors [05(HC)-158-11/2020(W)]**, Yang Arif Hakim Mahkamah Persekutuan, Zabariah Mohd Yusof HMP dalam menyampaikan keputusan majoriti menyatakan –

*“[52] In the present appeals, Parliament is empowered by the FC to make laws in respect of the creation of offences, which in my opinion is a broad head or field of legislation over which Parliament can operate. The word “offence” is not defined in the FC and no definition appears in the Interpretation and General Clauses Ordinance 1948. The word “offence” in the PC denotes a thing made punishable by the Code or any other law (section 40)...”*

*“[93] As far as the role of the courts is concerned, its duty is to interpret the law according to what the statute provides.”*

**[14]** Kes-kes yang dipetik di atas telah dipertimbangkan oleh YA Pesurujaya Kehakiman (PK) di Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam dalam kes yang terkini iaitu Martina bt Abu Hanifa lwn Pendakwa Raya [2021] MLJU 1724. Kes-kes tersebut di atas hanyalah antara sebahagian kes terkini yang menegaskan bidang kuasa penggubalan undang-undang Parlimen seperti yang pernah diputuskan sejak dahulu seperti dalam kes Loh Kooi Choon v Government of Malaysia [1977] 2 MLJ 187, di mana Yang Arif Hakim Mahkamah Persekutuan, Raja Azlan Shah (pada masa itu)



menyatakan bahawa *“the constitutionality of any provision is premised on the provision of the FC, not premised on any concepts or doctrine which are outside the FC.”*

**[15]** Kes **Mat Shuhaimi bin Shafiei v Public Prosecutor** [2014] 2 MLJ 145 juga memutuskan bahawa dengan mengguna pakai prinsip bahawa anggapan keperlembagaan akan memihak peruntukan statutori yang dipersoalkan tersebut, pemohon yang menanggung beban untuk menunjukkan sebaliknya. Kegagalan berbuat sedemikian akan tanpa kesangsian bermaksud bahawa peruntukan statutori yang dipersoalkan tersebut adalah sah dan berpelembagaan. [ juga merujuk kes MTSA yang terkini iaitu Martina bt Abu Hanifa lwn Pendakwa Raya [2021] MLJU 1724 ]

Isu (a) bahawa peruntukan seksyen 233 tersebut adalah digubal dengan 'tidak ketentuan, luas, kabur dan bersifat subjektif. Ia tidak menyediakan kriteria dan/atau piawaian yang mencukupi dan adil berkenaan dengan sekatan yang dilarang' yang dibangkitkan dalam perenggan 10(a) Afidavit Sokongan Pemohon [kandungan 14].

**[16]** Berkenaan isu yang ditimbulkan oleh Pemohon ini, TPR yang bijaksana telah berhujah bahawa **sekatan** yang diperuntukkan oleh Seksyen 233 (1) (a) dan/atau 233 (3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sama sekali tidak bersifat terlalu luas dan kabur mahupun bersifat subjektif.

**[17]** TPR selanjutnya berhujah bahawa peruntukan seksyen 233 (1) (a) Akta 558 hanyalah secara spesifik menyekat komunikasi yang lucah, sumbang, palsu, mengancam dan jelik sifatnya dengan niat menyakitkan hati, menganiayai, mengugut dan mengganggu orang lain. Pengklasifikasian tersebut adalah dihujahkan munasabah serta adil bagi menghalang penyalahgunaan rangkaian dengan menimbulkan komunikasi berniat jahat yang mengganggu-gugat ketenteraman awam dan moral di negara Malaysia.





**[18]** Persoalan yang ditimbulkan telah dijelaskan dalam kes Martina bt Abu Hanifa lwn Pendakwa Raya [2021] MLJU 1724, oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Julia Ibrahim menyatakan dapatannya bahawa -

“ Adakah peruntukan ini tidak jelas (vague), terlalu luas dan tidak memberi notis yang adil berkenaan kelakuan yang dilarang?

[14] Berbeza dengan hujah dan alasan Pemohon, Mahkamah mendapati bacaan secara harfiah peruntukan ini sahaja pun adalah jelas, tidak menunjukkan apa-apa kekaburan makna dengan penggunaan bahasa yang mudah difahami. Ia tidak terlalu luas kerana perlakuan dan sifat serta niat yang menjadikannya suatu kesalahan telah dihadkan dengan perincian yang nyata. Perincian yang dibuat memberi notis yang mencukupi kepada semua pihak akan elemen-elemen kesalahan tersebut. Hanya apabila elemen-elemennya dipenuhi maka seseorang boleh dituduh di bawah peruntukan ini. Peguam yang bijaksana juga tidak dapat menunjukkan kepada Mahkamah bagaimana peruntukan ini tidak jelas (how is it vague) dan tidak memberi notis yang jelas kepada Pemohon. Tiada merit kepada alasan ini.”

**[19]** Sebaliknya, TPR menghujahkan bahawa Pemohon yang telah gagal memperincikan apakah perkataan atau ayat atau frasa yang dikatakan kabur dan bersifat subjektif dalam peruntukan seksyen 233 Akta 558 tersebut sedangkan peruntukan seksyen 233 amat jelas dan elemen kesalahan-kesalahan telah dinyatakan secara spesifik.

**[20]** Isu yang ditimbulkan oleh kaunsel pemohon ialah ‘peruntukan seksyen 233 didakwa suatu peruntukan yang tidak ketentuan, kabur(vague), terlalu luas dan bersifat subjektif justeru tidak menyediakan kriteria dan/atau piawaian yang mencukupi dan adil berkenaan dengan sekatan yang dilarang.’



**[21]** Pemohon yang dinasihati dan yang percaya, menyatakan di perenggan 6 [kandungan 14] bahawa frasa ayat “niat untuk menyakitkan” yang digubal dalam peruntukan seksyen 233 adalah kabur dan bersifat subjektif kerana tidak ditakrifkan dengan sebarang tahap khusus sedangkan kesimpulan bertentangan boleh disimpulkan dalam komen yang dihantar dengan niat bukan untuk menyakitkan hati orang lain.

**[22]** Seperkara lagi, Pemohon menyatakan di perenggan 7 dan 8 Afidavit Sokongan [dalam kandungan 14] bahawa perkataan ‘menyakitkan’ atau ‘menggangu’ adalah terlalu luas, kabur dan subjektif justeru tidak menyediakan kriteria dan/atau piawaian yang mencukupi dan adil berkenaan dengan sekatan yang dilarang.

**[23]** TPR yang bijaksana pula merujuk kepada kes Nor Hisham Osman v PP [2010] yang memutuskan bahawa sekatan yang diperuntukkan bawah seksyen 233 Akta 588 adalah munasabah dan berjustifikasi serta sampai kepada objektif atau matlamat yang dimaksudkan oleh Fasal 2(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

**[24]** Maka, Mahkamah ini memetik perbincangan dan keputusan dalam kes Nor Hisham Osman v PP oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Siti Khadijah Sheikh Hassan Badjenid (pada masa itu) yang menyatakan bahawa –

“Tiga (3) isu yang perlu diputuskan adalah:-

A. Sama ada seksyen 233(1)(a) Akta 1998 menyekat kebebasan bercakap dan ekspresi diri yang ditetapkan oleh Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan?

Mengikut pemohon bahagian peruntukan bawahseksyen 233(1)(a) Akta 1998 yang menjadikan kesalahan untuk "menyakitkan hati orang lain" merupakan sekatan kepada kebebasan untuk bercakap dan ekspresi diri yang dimaksudkan oleh Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.



Mengikut responden kebebasan yang diberi bukan merupakan pas untuk mengenenpikan kewajipan bertindak dengan penuh tanggungjawab.

Mahkamah mendapati sekatan atas kebebasan untuk bersuara dan ekspresi diri melalui seksyen 233(1)(a) Akta 1998 adalah untuk memastikan kebebasan yang diberi oleh Perlembagaan dimunafatkan dengan penuh tanggungjawab.

B. Sama ada sekatan ini dibenarkan oleh Perkara 10(2)(a) Perlembagaan tersebut?

Mengikut pemohon sekatan yang berbangkit melalui seksyen 233(1)(a) Akta 1998 tidak mematuhi Perkara 10(2)(a) Perlembagaan Persekutuan (yang membenarkan undang-undang dibuat untuk menyekat kebebasan bersuara bagi beberapa objektif tertentu sahaja).

Mengikut responden pula kebebasan yang diberi di bawah Perkara 10(1) Perlembagaan bukanlah hak yang diberi secara mutlak (sepertimana di Amerika) sebaliknya mengikut peruntukan Perkara 10 Perlembagaan itu sendiri kebebasan tersebut adalah tertakluk kepada sekatan yang digariskan dalam klausa-klausa (2) (3) & (4) Perkara yang sama.

Merujuk kepada Perkara 10 Perlembagaan:-

Kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan.

(1) Tertakluk kepada pasal (2), (3) dan (4)

(a) Tiap-tiap warganegara adalah berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran;

(b)

(c)

(2) Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan-

(a) Ke atas hak-hak yang diberi oleh perenggan (a) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan



Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, perhubungan persahabatan dengan negeri-negeri lain, ketenteraman awam untuk melindungi keistimewaan-keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri atau untuk mengelakkan penghinaan terhadap mahkamah, fitnah, atau perbuatan mengapi-api supaya dilakukan sesuatu kesalahan;

(b).....

(c).....

(3).....

(4) Pada mengenakan sekatan-sekatan demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam di bawah Fasal (2)(a), Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang perbuatan mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau hak kedaulatan yang ditetapkan atau diperlindung oleh Peruntukan Bahagian 3, Perkara 152, 153 atau 181 berhubung dengan apa-apa jua melainkan berhubung dengan pelaksanaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang itu.

Melalui kes *Sivarasa Rasiah v. Badan Peguam Malaysia & Anor* [2010] 3 CU 507 Mahkamah Persekutuan memberi panduan caranya untuk mentafsir peruntukan Perlembagaan. Iaitu tafsiran yang meluas (bermurah hati) tatkala mentafsir berkenaan kebebasan asasi (fundamental liberties must be generously interpreted), dan secara terhad (restrictively) apabila mentafsir peruntukan yang menyekat kebebasan yang dijamin oleh Perlembagaan itu.

Dalam kes ini mahkamah dikehendaki menentukan sama ada sekatan ke atas kebebasan melalui peruntukan undang-undang bawah seksyen 233(1)(a) Akta 1998 - termasuk di bawah objektif yang terkandung dalam peruntukan Perkara 10(2)(a) Perlembagaan. Seterusnya mahkamah perlu menentukan sama ada peruntukan seksyen 233(1)(a) mencabuli hak pemohon untuk bercakap dan ekspresi diri.



Sekali lagi merujuk kepada kes Sivarasa untuk menentukan sama ada sekatan yang dikenakan keatas kebebasan itu sah mahkamah perlu menimbangkan samada sekatan melalui undang-undang itu munasabah dan berjustifikasi bagi maksud Perkara seperti yang diperuntukkan itu.

Dalam kes ini dimana ekspresi diri melalui kata-kata jelek khususnya "DAULAT TUANKU, JILAT TAIK KU" yang ditujukan kepada DYMM Sultan Perak yang merupakan seorang raja berperlembagaan, didapati bukan saja menyakitkan hati sesiapaupun ekspresi diri itu ditujukan bahkan tidak langsung menunjukkan kepada mahkamah bagaimana dikatakan ianya mempunyai nilai yang memunafa'atkan kepentingan awam.

Bukanlah sesuatu di luar dugaan, semata-mata agakan atau tidak masuk akal bahawa ekspresi diri melalui komen sebegini jika dibiarkan tanpa sekatan, dalam keadaan tertentu lebih-lebih dalam keadaan masyarakat berbilang kaum dengan pelbagai fahamannya, boleh secara munasabahnya mencetuskan sentimen di kalangan mereka yang menjunjung tinggi kedaulatan raja berperlembagaan, menyemarakkan ketegangan perkauman dan meretakkan ikatan perpaduan. Tentunya itu akan memudaratkan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.

Di samping itu mahkamah mengambil kira bahawa percakapan atau ekspresi diri tidak akan dikeluarkan tanpa ada pihak yang mendengar atau yang menerimanya. Secara lumrahnya kedua-dua pihak saling memerlukan dan sentiasa berjalan seiringan. Dengan itu tatkala Perlembagaan memberi hak kebebasan kepada yang bercakap dan yang mengekspres diri, seksyen 233(1)(a) sekadar memelihara dan melindungi hak pihak yang mendengar dan yang menerima ekspresi tersebut, sekali gus mengimbang hak kedua-duanya.

Mahkamah mendapati sekatan ini merupakan sesuatu yang munasabah dan berjustifikasi serta sampai kepada objektif atau matlamat yang dimaksudkan oleh Perkara 10(2)(a). Perlembagaan Persekutuan, dengan jangkauan kearifannya yang tidak terbatas bertujuan memelihara hak semua rakyat



Malaysia yang bernaung di bawah perlindungannya, tanpa mengira warna, agama, pangkat mahupun darjat.

C. Sama ada seksyen 233(1)(a) Akta 1998 konsisten dengan Perkara 10(l)(a) dan 10(2)(a) Perlembagaan Persekutuan?

Mengikut pemohon memandangkan ianya bukan suatu sekatan yang munasabah bertujuan mencapai objektif Perkara 10(2)(a) maka ianya tidak selaras dengan tujuan yang sah di sisi undang-undang untuk menyekat hak asasi pemohon.

Sepertimana dihuraikan sebelum ini mahkamah memutuskan bahawa seksyen 233(1)(a) Akta 1998 merupakan sekatan yang munasabah bertujuan mencapai objektif Perkara 10(2)(a) Perlembagaan maka ianya adalah selaras dengan tujuan Perlembagaan Persekutuan, dan tidak mencabul hak pemohon di sisi Perlembagaan.”

**[25]** Huraian dalam penghakiman di atas amatlah jelas dan yang ditujukan kepada kebebasan kepada yang bercakap dan yang mengekspres diri, untuk memelihara dan melindungi hak pihak yang mendengar dan membaca siaran Pemohon yang jelas mempersoalkan Perkara 3 berkait kedudukan Islam sebagai agama resmi, hak orang Islam dalam Senarai Negeri untuk mentadbir sistem perundang-undangan personal, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau hak kedaulatan yang ditetapkan atau diperlindung oleh Peruntukan dalam Bahagian 3, Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

**[26]** Pengklasifikasian yang nyata disebutkan dalam peruntukan seksyen 233 ialah ‘komunikasi yang jelik sifatnya dengan niat menyakitkan hati, menganiayai, mengugut dan mengganggu orang lain’ dan dihujahkan oleh TPR adalah suatu klasifikasi yang munasabah serta adil bagi menghalang penyalahgunaan rangkaian komunikasi berniat jahat demi memelihara ketenteraman awam dan moral di negara Malaysia.



Isu (b) bahawa peruntukan seksyen 233 tersebut adalah terlalu luas dan boleh membawa kepada penyalahgunaan kuasa dan membenarkan tindakan sewenang-wenangnya oleh pihak berkuasa berkenaan dengan kuasa untuk menangkap, menyiasat dan mendakwa, dibangkitkan dalam perenggan 10(b) Afidavit Sokongan Pemohon [kandungan 14].

[27] Isu yang dibangkitkan oleh Pemohon mengenai kesan peruntukan seksyen 233 yang didakwa terlalu luas menyebabkan peruntukan adalah terbuka kepada salahguna kuasa tangkapan, siasatan dan pendakwaan di bawah Akta 588. Alasan dan hujah Peguam yang bijaksana bahawa peruntukan seksyen 233 itu terlalu luas menyebabkannya terbuka kepada salahguna kuasa tangkapan, siasatan dan pendakwaan di bawahnya tidak diasaskan kepada apa-apa fakta atau statistik atau apa-apa bentuk keterangan menyokong dakwaannya.

[28] Bagi menjawab isu tersebut, TPR berhujah bahawa Pemohon telah gagal untuk membawa apa-apa bukti bahawa pendakwaan dan siasatan telah menggunakan peruntukan seksyen 233 ini secara sewenang-wenangnya. Hujahan peguam dalam kes ini bersifat tohmahan tanpa asas. Mana-mana tangkapan, siasatan dan pendakwaan yang dibuat melibatkan Seksyen 233 tersebut hanya dibuat mengikut peruntukan undang-undang tanpa memprejudiskan hak-hak individu yang disiasat. Selanjutnya, pertuduhan di Mahkamah juga hanya akan dibuat selepas siasatan lengkap. Oleh itu, tidak timbul isu bahawa penyalahgunaan kuasa atau tindakan diambil sewenang-wenangnya oleh pihak pendakwaan terhadap Pemohon.

[29] Merujuk kes **Loh Kooi Choon v Government Of Malaysia [1977] 2 MU 187**, di mukasurat 188, perenggan E, yang memutuskan bahawa:

*"The question whether the impugned Act is "harsh and unjust" is a question of policy to be debated and decided by Parliament, and therefore not meant for judicial determination. To sustain it would cut*



*very deeply into the very being of Parliament. Our courts ought not to enter this political thicket, even in such a worthwhile cause as the fundamental rights guaranteed by the Constitution, for as was said by Lord Macnaghten in Vacher & Sons Ltd v London Society of Compositors [1913] AC 107 118:*

*"Some people may think the policy of the Act unwise and even dangerous to the community. Some may think it at variance with principles which have long been held sacred. But a judicial tribunal has nothing to do with the policy of any Act which it may be called upon to interpret. That may be a matter for private judgment. The duty of the court, and its only duty, is to expound the language of the Act in accordance with the settled rules of construction. It is, I apprehend, as unwise as it is unprofitable to cavil at the policy of an Act of Parliament, or to pass a covert censure on the Legislature."*

**[30]** Alasan dan hujah Peguam yang bijaksana bahawa peruntukan itu terlalu luas menyebabkannya terbuka kepada salahguna kuasa tangkapan, siasatan dan pendakwaan di bawahnya tidak diasaskan kepada apa-apa fakta atau statistik atau apa-apa bentuk keterangan yang dikemukakan melalui Afidavit Sokongan Pemohon (Kandungan 14). Perenggan 10 Afidavit Sokongan Pemohon hanya mengulangi alasan permohonan ini.

**[31]** Dalam perenggan 5 Afidavit tersebut Pemohon ada merujuk kepada arahan untuk dia menghadirkan diri di Balai bagi dirakamkan percakapan pada 25-5-2021. Walau bagaimanapun, ini bukanlah suatu salahguna kuasa atau sebagainya tetapi merupakan prosedur biasa yang dikenakan kepada mana-mana suspek atau saksi yang berhadapan dengan suatu aduan perbuatan atau pendakwaan jenayah sehingga kes selesai disiasat oleh pegawai penyiasat. Hujah peguam Pemohon yang bijaksana mendakwa ini





adalah suatu bentuk salahguna kuasa tangkapan, siasatan dan pendakwaan. Pada pendapat Mahkamah, hujahan adalah tidak berasas kerana peruntukan seksyen 233 ini tidak berdiri sendiri dan negara ini juga sedia ada dilengkapi dengan sistem keadilan dan undang-undang lain yang wujud untuk mengawal kuasa-kuasa siasatan, tangkapan dan pendakwaan jenayah. Tiada merit pada alasan ini.

**[32]** Peguam yang bijaksana juga menghujahkan bahawa pendakwaan terhadap Pemohon di bawah peruntukan tersebut akan memberi kesan menakutkan pihak lain untuk mengetengahkan isu mengenai JAKIM. Mahkamah mendapati hujah ini juga tidak bermerit.

**[33]** Lain-lain isu yang dibangkitkan dalam kandungan 13 dan 14, bahawa (i) seksyen tersebut menyekat kebebasan bersuara. Kedua-dua seksyen 233(1)(a) dan/atau 233(3) adalah tidak selamat oleh mana-mana daripada 8 subjek yang diliputi dalam Perkara 10(2) dan 10(4) Perlembagaan Persekutuan;

(ii) seksyen 233(1) adalah melampaui batas dan tidak seimbang dengan objektif yang ingin dicapai; dan

(iii) seksyen tersebut adalah melanggar Perkara 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan.

Isu: bahawa Seksyen 233 (1) (a) dan/atau 233 (3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 menyekat kebebasan bersuara. Kedua-dua seksyen adalah tidak selamat oleh mana-mana daripada 8 subjek yang diliputi oleh Perkara 10 (2) dan 10 (4) Perlembagaan Persekutuan.

**[34]** Hujah TPR yang bijaksana ialah dengan memperhalusi peruntukan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, dihujahkan bahawa adalah amat jelas, kebebasan yang diberikan di bawah Perkara 10 tersebut adalah tidak mutlak. Sebaliknya, Parlimen boleh melalui undang-undang menqenakan



sekatan-sekatan sepertimana di bawah perenggan (2), (3) dan (4) Perkara tersebut ke atas kebebasan tersebut.

**[35]** Mahkamah telahpun memutuskan bahawa kebebasan yang dimaksudkan di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan tersebut adalah tidak mutlak sepertimana dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik & Ors* [1971] 2 MLJ 108 :-

*'Before I proceed to deal with the facts there is one point which assumes impodance in the defence submission. Sir Dingle Foot has stressed the need to give the greatest latitude to freedom of expression. Dato Seenivasagam, as I understand him, said that the Sedition Act strikes at the very heart of free political comment. It is of course true, as a general statement, that the greatest latitude must be given to freedom of expression. It would also seem to be true, as a general statement, that free and frank political dlscussion and criticism of government policies cannot be developed in an atmosphere of surveillance and constraint. But as far as I am aware, no constitutional slate has seriously attempted to translate the 'right' into an absolute right. Restrictions are a necessary part of the 'right' and in many countries of the world freedom of speech and expression is, in spite of formal safeguards, seriously restricted in practice.'*

**[36]** Menurut hujah TPR, kes di hadapan Mahkamah Sesyen yang berkait pemakaian seksyen 233 Akta 588 yang meletakkan sekatan ke atas kebebasan bersuara dan ekspresi di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, namun sekatan-sekatan yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut juga termasuk dalam lingkungan sekatan yang dibenarkan di bawah Perkara 10(2)(a) Perlembagaan Persekutuan kerana seksyen 233 Akta 588 digubal sedemikian rupa untuk meliputi pelbagai kesalahan penyalahgunaan rangkaian dan kemudahan internet oleh pengguna dan juga penyedia kemudahan internet. Hujah TPR lagi adalah 'penyalahgunaan sedemikian,



contohnya seperti pembuatan dan penerbitan berita yang jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan atau menjengkelkan mana-mana orang juga boleh menggalakan perbuatan yang boleh mengganggu ketenteraman awam dan moral’.

**[37]** Justeru, seksyen 233(1)(a) Akta 588 hanyalah mengenakan sekatan ke atas kebebasan bersuara dan berekspresi untuk membentung perbuatan yang memprejudiskan ketenteraman awam.

Isu: Seksyen 233 (1) (a) dan/’atau 233 (3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah melampaui batas dan tidak seimbang [not proportionate] dengan objektif yang ingin dicapai.

**[38]** Dalam menjawab isu sebegini, hujah TPR merujuk kepada Huraian Rang Undang-Undang Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (DR 15/1998), yang mana telah dinyatakan bahawa Akta 588 digubal “untuk mengawal selia industri komunikasi dan multimedia”. Akta tersebut terpakai kepada komunikasi melalui media elektronik, perkhidmatan rangkaian dan aktiviti berkaitannya.

**[39]** Dalam menggubal Akta 588 juga, sekatan sedia ada di bawah undang-undang lain juga sedia diambil maklum. Huraian tersebut secara jetas menunjukkan:-

2. “Ruang lingkup Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (“Akta”) yang dicadangkan ini meliputi komunikasi menerusi media elektronik tetapi tidak meliputi media cetak. Ia juga tidak menyentuh pemakaian am undang-undang yang sedia ada mengenai keselamatan negara, kandungan yang salah di sisi undang-undang, fitnah dan hak cipta. Undang-undang sedemikian masih lagi terpakai kepada semua bentuk kandungan, tidak kira bahan taranya“

**[40]** Oleh itu, sebagai tambahan kepada undang-undang sedia ada berkaitan sekatan-sekatan perlu ke atas kebebasan bersuara dan



berekspresi, Akta 558 turut meletakkan sekatan yang sama secara khususnya mencakupi perkhidmatan, kemudahan dan aplikasi rangkaian. Walaubagaimanapun, sekatan ini bukanlah bersifat mutlak dan menghalang hak-hak asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan. Jelas, hak dan kebebasan berekspresi masih boleh diamalkan, selagi masih berada di dalam ruang lingkup parameter yang dibenarkan undang-undang.

Isu: Seksyen 233 (1) (a) dan/atau 233 (3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah melanggar Artikel 5 dan Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan

**[41]** Yang Arif Ariffin Zakaria CJ dipetik menyatakan, dalam kes *Public Prosecutor v. Azmi bin Sharom* [2015] 6 MLJ 751 bahawa satu sekatan ke atas satu kebebasan bukanlah satu larangan secara mutlak sekiranya sekatan tersebut hanya terpakai dalam keadaan tertentu yang telahpun diperuntukkan oleh undang-undang. Yang Arif menyatakan di mukasurat 771 seperti berikut:

*“Having said that, we will now consider whether s. 4(1) of the Act would pass the proportionality test. One thing is clear, this section is directed to any act, word or publication having a ‘seditious tendency’ as defined in s. 3(1) paras. (a) to (g) of the Act. This in our view is consistent with art. 10(2)(a) and art. 10(4) of the Constitution, as it cannot be said that the restrictions imposed by s. 4(1) are too remote or not sufficiently connected to the subjects/objects enumerated in art. 10(2)(a). Furthermore, this is not a total prohibition as it is subject to a number of exceptions as provided in s. 3(2) of the Act. As legislated, it is not seditious to show that any Ruler has been misled or mistaken in any of his measures, or to point out errors or defects in any Government or Constitution as by law established. Upon close analysis, we agree with the plaintiff’s submission that the restrictions imposed in s. 4(1) fall squarely within the ambit or parameter of art. 10(2)(a) of the Constitution.”*



**[42]** Oleh itu, TPR berhujah bahawa satu sekatan “restriction” bukanlah terjumlah kepada satu larangan menyeluruh “total prohibition”. Apabila seseorang individu itu masih mempunyai alternatif atau kaedah lain untuk mengamalkan hak asasinya, maka dia tidak boleh dikatakan telah dinafikan haknya untuk mengamalkan hak tersebut secara keseluruhannya. Sebaliknya, dia masih boleh mengamalkan kebebasan tersebut selagi ekspresi itu tidak bercanggah dengan sekatan yang diperuntukkan oleh undang-undang.

**[43]** Merujuk Seksyen 233(1)(a) Akta 588, seseorang itu masih boleh memuatnaik apa-apa gambar, kenyataan dan komen di laman Facebook, Twitter atau mana-mana rangkaian komunikasi selagimana kandungan tersebut tidak bercanggah dengan sekatan yang dikenakan di bawah seksyen tersebut. Oleh itu, hak asasi sepertimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan masih terpelihara.

**[44]** Isu yang lebih relevan ialah sama ada peruntukan seksyen 233 tersebut adalah berkadaran (proportionate) dengan sekatan yang dibenarkan oleh Fasal 2(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan terutama demi kepentingan ketenteraman awam. Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan –

“Perkara 10. Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.

(1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)—

(a) tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara;

(b) semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata;

(c) semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan.

(2) Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan —



(a) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (a) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah, atau pengapian apa-apa kesalahan;

(b) .....

(c) .....

(3)....

(4).....”

**[45]** Penghantaran yang bersifat jelik dalam konteks pertuduhan dalam kes ini adalah contoh jelas keadaan yang memberi kesan mengganggu dan menyakitkan hati pihak yang tersinggung dengan komen atau ulasan Pemohon. Siaran yang didakwa dilakukan oleh Pemohon tersebut membuat dakwaan yang terbuka kepada umum dengan rujukan identiti yang spesifik semestinya boleh menyakitkan hati jika ia tidak benar dan akan menyebabkan hilang kepercayaan dan hormat orang awam kepada institusi JAKIM. Justeru, peruntukan ini adalah berkadaran dengan sekatan yang dikenakan oleh Fasal 2(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

**[46]** Rujukan peguam yang bijaksana kepada kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Agung India seperti *Shreya Singhal v Union of India* [AIR] 2015 SC 1123 yang memutuskan peruntukan seksyen 66A Information Technology Act of 2000 yang mirip ayatnya dengan seksyen 233 Akta 588 sebagai tidak berperlembagaan kerana dikatakan tidak jelas dan terlalu luas telah ditolak dalam kes *Syarul Ema Rena binti Abu Samah* [2018] MLJU 1128 (MTSA). Yang Arif Ab Karim telah menolak pemakaian kes *Shreya*



Singhal (supra) berdasarkan konteks suasana tempatan di India yang tidak sama dengan konteks suasana tempatan di negara ini –

“[26] Mahkamah di India dalam kes Shreya Singhal v Union of Indian AIR 2015 SC 1123 yang menjadi rujukan hujahan peguambela, yang memutuskan bahawa seksyen 66A Information Technology Act of 2000 adalah tidak berperlembagaan dibuat berdasarkan kontek suasana tempatan di India. Ia tidak boleh disamakan dengan tafsiran keatas seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang seharusnya mengambilkira suasana kontek tempat di Malaysia berdasarkan objektif, hal keadaan sekeliling dan prinsip-prinsip seksyen 233 tersebut digubal.”

**[47]** Mahkamah bersetuju dengan keputusan dalam kes terkini Martina bt Abu Hanifa [2021], binti Abu Samah [2018] dan Nor Hisham Osman [2010] yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Malaya di negara ini. Peguam yang bijaksana juga gagal menunjukkan bagaimana keputusan kes Shreya Singhal (supra) itu sesuai dengan konteks keadaan negara ini selain dari persamaan ayat sahaja bagi menjadikannya suatu keputusan yang persuasive untuk dipertimbangkan. Sehubungan itu, Mahkamah mendapati pihak Pemohon gagal melunaskan bebannya dalam cabaran ini.

## KESIMPULAN

**[48]** Atas kegagalan pihak Pemohon menunjukkan sokongan dan justifikasi kepada alasan-alasan cabaran berperlembagaan peruntukan s233(1)(a) dan / atau s233(3) Akta 588 ini, Mahkamah menolak Notis Permohonan untuk merujuk persoalan berperlembagaan kepada ke Mahkamah Tinggi untuk dipertimbangkan sama ada perlu dibuat rujukan lanjut ke Mahkamah Persekutuan.

**[49]** Seterusnya Mahkamah juga menolak permohonan untuk menggantung prosiding perbicaraan di Mahkamah Sesyen Taiping terhadap



Pemohon sehingga pelupusan pendengaran merujuk persoalan perlembagaan yang dibawa di dalam kes ini.

**[50]** Mahkamah ini telah memutuskan bahawa tiada merit dalam permohonan Pemohon dan mengarahkan agar kes dibicarakan bermula pada 21 Jun 2022 di Mahkamah Sesyen Taiping tanpa penangguhan. Jamin dilanjutkan sehingga kes selesai dibicarakan.

Bertarikh 18.06.2022



Hakim  
Mahkamah Sesyen Taiping

Tarikh Keputusan :18.05.2022

Alasan Penghakiman bagi keputusan bertarikh: 20.06.2022



S/N IBtRmsJbFEu4KfcuU3rTEw

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal